

Denda RM9,600 atau 11 bulan penjara terhadap lelaki miliki telur penyu kekal

KUCHING: Mahkamah Rayuan di sini, semalam menolak rayuan pendakwaan dan mengekalkan hukuman denda RM9,600 atau 11 bulan penjara terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki 230 biji telur penyu tanpa kebenaran Kontroler Hidupan Liar pada 2023.

Panel tiga hakim yang diketuai Datuk Alwi Abdul Wahab, Datuk Ahmad Kamal Md Shahid dan K Muniandy membuat keputusan sebulat suara selepas mendapati rayuan pihak pendakwaan tidak mempunyai merit, sekali gus mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Mahkamah turut berpendapat Mahkamah Rendah telah mengambil kira faktor-faktor

yang memberatkan serta menggunakan budi bicara kehakiman dengan sewajarnya.

Pada 23 April 2024, Supani Jumal kini berusia 66 tahun, mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen apabila didakwa atas dua pertuduhan yang dibuat mengikut Seksyen 37 (1) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998.

Bagi pertuduhan pertama iaitu atas kesalahan memiliki 40 biji telur penyu, mahkamah menetapkan Supani didenda RM3,600 atau penjara lima bulan.

Sementara bagi pertuduhan kedua, Supani didenda RM6,000 atau penjara enam bulan iaitu atas kesalahan memiliki 190 biji telur penyu.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 12 Ogos 2023, masing-masing di sebuah premis di Pasar Sematan, Lundu

sekitar jam 9.35 malam dan di sebuah rumah di Kampung Tanah Hitam, Lundu sekitar jam 10 malam.

Siasatan mendapati telur penyu laut yang dirampas adalah daripada spesies Chelonidae, haiwan yang dilindungi sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama dalam Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998.

Pada 15 April 2025, Mahkamah Tinggi menolak rayuan pihak pendakwaan dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen.

Supani diwakili peguam Ralph Lee dan Christopher Bada. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Eyu Ghim Siang.